

PROGRAM PERMATA BERKILAUAN
Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkuang

PERIBAHASA SAMA MAKSUD

SOALAN	PERIBAHASA YANG SAMA MAKSUD	MAKSUD
1. bagai aur dengan tebing		Bekerjasama antara satu sama lain
2. di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung		Apabila berada di tempat orang, kita hendaklah mengikut adat resam masyarakat di situ
3. belut pulang ke lumpur		Kembali ke tempat asal
4. kalau asal benih yang baik jatuh ke laut menjadi pulau		Orang yang berketurunan baik, ke mana-mana sahaja dia pergi akan tetap menjadi baik
5. beri betis hendakkan paha		Meminta lebih daripada yang telah diperolehi
6. air dicencang tidak akan putus		Perselisihan sesama keluarga itu akhirnya akan berbaik kembali
7. kepala sama hitam, hati lain-lain		Fikiran seseorang yang berbeza
8. usaha tangga kejayaan		Perlu berusaha untuk mencapai sesuatu
9. bagai burung dalam sangkar, mata lepas badan terkurung		Kehidupan seseorang yang tidak bebas
10. kerana nilai setitik, rosak susu sebelanga		Oleh sebab yang sedikit, habis rosak semuanya
11. ikut hati mati, ikut rasa binasa, ikut mata leta		Membuat sesuatu yang didorong oleh hawa nafsu akhirnya mendatangkan kesusahan
12. di mana ada kemahuan di situ ada jalan		Hendaklah berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang dihasrati
13. lain bengkak, lain menanah		Orang lain yang melakukan kesalahan, orang lain pula yang dipersalahkan
14. lain lubuk, lain ikannya		Setiap negara mempunyai adat resam yang berlainan

15. masuk telinga kanan,keluar telinga kiri		Nasihat dan pengajaran yang tidak diterima
---	--	--

PILIHAN JAWAPAN

- bagai hujan jatuh ke pasir
- berat sama dipikul ringan sama dijinjing
- lain padang lain belalang
- masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
- orang lain makan nangka, orang lain yang kena getahnya
- ikan pulang ke lubuk
- ular menyusur akar takkan hilang bisanya
- di mana ada kemahuan di situ ada jalan
- beraja di mata bersultan di hati
- ikan seekor rosakkan ikan setajau
- bagai Belanda minta tanah
- carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
- lain dulang lain kaki, lain orang lain hati
- hendak terbang tiada bersayap, hendak hinggap tiada berkaki
- jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya